



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM 'GERAK RAHMAH 2023: JOM SIHAT' SERENTAK SELURUH NEGARA

25 FEBRUARI 2023, GEMAS (NEGERI SEMBILAN) – YB Tuan Choon Ken Hwa, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perpaduan, Penerangan dan Integrasi Nasional Negeri Sembilan hari ini melancarkan 'Program Gerak Rahmah 2023: Jom Sihat' bertempat di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Pinggiran Sg. Kelamah, Gemas, Negeri Sembilan.

2. Program GERAK RAHMAH merupakan salah satu inisiatif baharu oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Kementerian Perpaduan Negara yang bertujuan untuk memperkasa, mempertingkatkan dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti KRT ke arah membangunkan Komuniti RAHMAH selaras konsep 'Malaysia Madani' di bawah Kerajaan Perpaduan.

3. Justeru, pada tahun ini, JPNIN mengambil inisiatif untuk melaksanakan program ini **secara serentak melibatkan KRT-KRT di seluruh negara** dengan kolaborasi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia, agensi-agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Program bermula pada jam 8.00 pagi dengan aktiviti senaman dan pengisian adalah mengikut kesesuaian dan keperluan lokaliti masing-masing di setiap KRT seluruh negara.

4. Bagi pelaksanaan program pada kali ini, **Negeri Sembilan telah dipilih sebagai tuan rumah** bagi pelancaran 'Program Gerak Rahmah: Jom Sihat' dan dilancarkan di **KRT Taman Pinggiran Sg. Kelamah, Gemas, Negeri Sembilan**. Antara aktiviti yang dilaksanakan antaranya:

- (i) Senam Harmoni;
- (ii) *Unity Walk* – 10,000 Langkah;
- (iii) Kuiz Kesihatan;
- (iv) Pertandingan Menu Sihat;
- (v) Pemeriksaan Kesihatan;
- (vi) Pameran Kesihatan;
- (vii) Ceramah Kesihatan; dan
- (viii) Ziarah Rahmah.

5. Program JOM SIHAT merupakan salah satu daripada **Agenda Kerja KRT** atau **RT4ALL** iaitu di bawah **GERAK KERJA KRT SIHAT** dan digariskan dalam **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030**.

6. Keberhasilan dari program ini adalah:

- (i). membangunkan Komuniti RAHMAH selaras dengan konsep 'Malaysia MADANI' melalui pelbagai program/aktiviti berimpak tinggi untuk meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian komuniti khususnya komuniti KRT;
- (ii) Menggerakkan komuniti KRT di seluruh negara secara bersepadu dan menyeluruh untuk melaksanakan Program GERAK RAHMAH di peringkat komuniti masing-masing; dan
- (iii) Memperkasa dan memperkukuhkan lagi peranan KRT dalam komuniti khususnya dalam membantu Kerajaan membina Malaysia MADANI.

7. Jabatan dan Kementerian amat menggalakkan dan mengharapkan KRT-KRT di seluruh negara yang berjumlah sebanyak **8,330** untuk bersama-sama menjayakan Program GERAK RAHMAH ini. Semoga dengan adanya **gerakan secara bersepadu** ini akan meningkatkan semangat untuk melaksanakan aktiviti di peringkat komuniti masing-masing dan dapat mengeratkan semangat perpaduan dalam kalangan komuniti.

8. Turut hadir, YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa, Ahli Parlimen Tampin; YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Ketua Pengarah JPNIN dan YBhg. Dr Norhayati Rosli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Kementerian Perpaduan Negara)**

25 Februari 2023

-TAMAT-

Pertanyaan media

Bahagian Korporat,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

No Tel : 019-267 1075 (YM Tengku Nor Liza Tengku Yahya), 019-39239 379 (Jasittha)

E-mail: projpnin@perpaduan.gov.my

No rujukan: JPN.01/483/12 (4)